


# Libat urus dapati 60 peratus penjawat awam mahu kenaikan gaji, elau

Oleh [Ilah Hafiz Aziz dan Noor Atiqah Sulaiman](#) - Ogos 11, 2023 @ 5:51pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Dr Zulkapli Mohamed (kanan) bersama barisan Ketua Setiausaha Kementerian melihat carta Kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam selepas mengadakan Mesyuarat Hala Tuju Sistem Saran Perkhidmatan Awam di Putrajaya, hari ini. - NSTP/Mohd Fadli Hamzah

KUALA LUMPUR: Hampir 60 peratus cadangan oleh responden dalam kalangan penjawat awam menuntut kerajaan menaikkan gaji dan elau mereka.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Dr Zulkapli Mohamed, berkata menerusi Kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam, pihaknya menerima 30,155 cadangan dengan masing-masing 23 peratus daripadanya adalah berkaitan struktur gaji dan elau.

"Perkara ini selari dengan apa yang ditekankan oleh Perdana Menteri untuk JPA dan Ketua Setiausaha (KSU) kementerian mempertimbangkan gaji dan elau supaya diberikan kenaikan.

"Ini agar penjawat awam dapat menikmati kehidupan selesa ekoran keadaan sekarang yang berdepan kenaikan kos yang tinggi," katanya.

Analisis hasil libat urus Fasa 1 kajian itu mendapati, cadangan berkaitan struktur gaji adalah berjumlah 23 peratus diikuti, elau (23 peratus), kemudahan (18 peratus),

struktur perkhidmatan (11 peratus), skim perkhidmatan (10 peratus), lain-lain (4 peratus), prestasi dan kompetensi (3 peratus), kemajuan kerjaya (3 peratus), ganjaran (3 peratus) dan tatatertib dan penamatan (2 peratus).

Pada 1 Ogos lalu, JPA dalam satu kenyataan memaklumkan Anwar akan mempengaruhi mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembaharuan Perkhidmatan Awam (JKK-PPA) pada 7 Ogos 2023 bagi membincangkan kajian SSPA.

JPA berkata mesyuarat itu diadakan susulan pengumuman Anwar bagi mengkaji semua sistem saraan perkhidmatan awam.

Julai lalu, JPA berkata kerajaan bersetuju mengkaji semula sistem saraan perkhidmatan awam dengan mengambil kira peningkatan kos sara hidup dan tiada semakan dibuat sejak 2002.

Dalam pada itu, mengulas lanjut mengenai cadangan berkenaan, Zulkapli berkata ia dibahagikan kepada enam kelompok iaitu membabitkan sektor pendidikan, kesihatan, sains dan teknologi, teknikal, keselamatan dan pengurusan.

"Secara keseluruhan kajian ini mengambil masa antara dua tahun atau mungkin mengambil masa sedikit panjang. Namun Perdana Menteri bersetuju untuk memberikan fokus khusus kepada struktur gaji dan elaun ini terlebih dahulu.

"Jadi kajian ini meliputi penjawat awam di seluruh negara dan skim perkhidmatan sektor awam," katanya.

Sementara itu, Dr Zulkapli berkata selepas kajian itu dibuat, kerajaan dijangka mengumumkan berita baik berhubung perubahan struktur gaji penjawat awam seawal bulan Oktober ini.

"Setiap kali kajian sedemikian berlaku, maka berlakulah kenaikan gaji penjawat awam. Dalam tempoh terdekat iaitu antara Oktober hingga Januari ini akan ada pengumuman dibuat oleh Perdana Menteri," katanya.

Ditanya berapa peratus anggaran kenaikan gaji dan elaun penjawat awam, Zulkapli berkata ia bergantung kepada ekonomi negara ketika itu.

"Sekiranya baik dan jemaah menteri bersetuju dengan kadar tertentu barulah kita akan berikan sedikit pandangan. Kita akan maklumkan kepada perdana menteri berapa jumlah yang patut diberikan berdasarkan kepada kedudukan kewangan negara.

"Kita tidak akan memberikan satu kadar yang boleh menjaskan keupayaan kerajaan dalam memberikan gaji kepada penjawat awam. Selain itu kita juga mahu elakkan berlakunya kenaikan harga yang lebih tinggi di pasaran sekiranya gaji ini dinaikkan," katanya.